

## BAB 3

### KAJIAN LITERATUR

#### 3.1 Pengenalan

Kalimah Allah berasal daripada Bahasa Arab dan merupakan salah satu kalimah khas yang merujuk kepada Tuhan bagi penganut agama Islam. Kalimah ini telah digunakan sejak turun temurun dan eksklusif sebagai tuhan bagi orang Islam di Malaysia walaupun terdapat sebahagian penganut agama Kristian terutamanya di Sabah dan Sarawak yang menggunakan kalimah tersebut bagi panggilan tuhan mereka. Justeru, penulisan ini akan membincangkan masalah yang timbul daripada pertikaian penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian di Malaysia. Pertikaian ini telah memberi kesan yang buruk ke atas hubungan antara penganut agama Islam dan Kristian. Memandangkan isu penggunaan kalimah Allah ini mendapat perhatian ramai terutamanya masyarakat Islam, ulama- ulama, sultan dan juga pertubuhan Islam bukan kerajaan, penyelidik merasakan bahawa wajar ia dikaji menurut perspektif *maqāṣid sharī'ah* demi menjaga kemaslahatan masyarakat di Malaysia. Sebelum memasuki kronologi pertikaian, penyelidik akan menerangkan asal usul penggunaan kalimah Allah dalam Bahasa Arab dan penggunaannya dalam Bible Bahasa Melayu.

#### 2.2 Asal Usul Penggunaan Kalimah Allah dalam Kalangan Orang Kristian di Malaysia

Penggunaan kalimah Allah sememangnya amalan biasa oleh mereka yang beragama Islam dan bukan Islam di tanah Arab. Oleh itu, sub bab ini akan menerangkan maksud

kalimah Allah berdasarkan kamus Arab serta maksud penggunaannya oleh penganut bukan Islam seperti berikut:

### 3.2.1 Maksud Kalimah Allah dalam Arab dan Maksud Penggunaannya dalam Kalangan Penganut Kristian

Kalimah Allah berasal daripada perkataan (الله). Menurut Al-Rāghib Al-Isfahāny (1992) dalam *Mufradāt Al-Fāz Al-Quran*, kalimah Allah berasal daripada:

1. الله tanpa *hamzah* dan *alif* dan *lam*. Ia dikhususkan kepada nama bagi setiap yang disembah seperti matahari yang dijadikan sembah.
2. الله yang bermaksud membingungkan. Nama ini untuk menunjukkan sifat keagungan Allah SWT dan kebingungan manusia apabila memikirkan zat Allah SWT.
3. ولاه huruf *hamzah* ditukar kepada *waw* dan memberi maksud ketaksuban dalam kecintaan. Penamaan ini kerana taksubnya makhluk dalam mencintai Allah.
4. لاها, يلوه, لياها yang bermaksud dihijab:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ ۖ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

*Maksudnya: Ia tidak dapat dilihat dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Ia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), dan Dia lah Yang Maha Halus (melayan hamba-hambanya dengan belas kasihan), lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.*

(al-Quran. Al-An'aam 6:103).

Manakala menurut *Mu'jam Maqāyīs Al-Lughah* (Ibn Fāris, 1994) perkataan الله berasal dari huruf *hamzah*, *lam* dan *ha'* yang bermaksud pengabdian. Maka *ilah* adalah Allah SWT kerana Dia disembah.

Izutsu (2002) pula mengatakan bahawa makna dasar bagi kalimah Allah dalam Bahasa Arab adalah 'tuhan'. Kalimah Allah merupakan perkataan lazim digunakan oleh

orang Arab yang tinggal di Semenanjung Tanah Arab pada suatu masa dahulu. Begitu juga dengan penggunaan di zaman sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW. Justeru itu, masyarakat Arab Jahiliyyah telah terbiasa menggunakan panggilan tuhan mereka sebagai Allah (Izutsu, 2002).

Tambahan pula, menurut Izutsu (2002), terdapatnya makna tertentu atau konsep khusus yang berhubung dengan kalimah Allah. Izutsu lagi menyatakan bahawa konsep tersebut dibangunkan dengan menggunakan empat sistem yang berbeza:

### **1. Konsep Allah dalam kalangan Pagan.**

Pagan atau boleh difahami sebagai agama asal ataupun agama tradisi. Menurut Christopher, Profesor Madya, Bahagian Klasik dan Arkeologi, University of Nottingham, pagan bukanlah satu agama rasmi dengan pegangan kepada mana-mana doktrin atau peraturan akan tetapi ia merupakan satu kepercayaan dan amalan yang pelbagai mengikut kepada keadaan setempat. Mereka boleh dikatakan mempercayai banyak tuhan. Ajaran mereka juga tidak merujuk kepada mana-mana kitab seperti al-Quran ataupun Bible malah hanya bergantung kepada ajaran nenek moyang yang diturunkan secara turun temurun. Mereka akan mengamalkan budaya yang diamalkan oleh nenek moyang mereka termasuklah dalam penggunaan kalimah Allah. Oleh itu, konsep Allah dalam kalangan pagan dikatakan sebagai penggunaan asal konsep tuhan semasa zaman awal kedatangan Islam Arab. Konsep ini mendatangkan beberapa elemen utama falsafah atau pandangan hidup Arab Jahiliyyah (Izutsu, 2002):

- i. Allah merupakan pencipta alam semesta
- ii. Yang menurunkan hujan atau secara khususnya yang memberikan kehidupan kepada seluruh benda hidup di dunia
- iii. Yang mengetuai sumpah dengan penuh takzim

- iv. Dia adalah objek yang boleh dinyatakan sebagai monotheism ‘seketika’ atau ‘sementara’, kewujudan yang diungkapkan dengan ungkapan berulang kali dalam al-Quran, menjadikan iman mereka suci kepada-Nya walau hanya sesaat. (Terjadi apabila Arab Jahiliyyah menghadapi situasi yang sukar dan tiada jalan keluar maka mereka mengharap pertolongan daripada Allah lalu berjanji untuk beribadat hanya kepada-Nya. Namun mereka kembali ke ajaran memahami banyak tuhan selepas mereka rasa keselamatan telah terjamin)
- v. Akhir sekali, tuhan Kaabah.

Perkara-perkara ini dapat dibuktikan dengan beberapa ayat daripada al-Quran.

وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَسَحَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَيَقُولَنَّ اللَّهُ ۗ

*Maksudnya: Dan sesungguhnya jika engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik): “Siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menundukkan matahari dan bulan? Pasti mereka akan menjawab, ‘Allah’.*

(al-Quran. Al-'Ankabut 29:61)

Seterusnya diikuti dengan ayat ke- 63:

وَلَيْنَ سَأَلْتَهُمْ مَنْ نَزَّلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْيَا بِهِ الْأَرْضَ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهَا لَيَقُولَنَّ اللَّهُ

*Maksudnya: Dan sesungguhnya jika engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menurunkan hujan dari langit, lalu menghidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya? Sudah tentu mereka akan menjawab, ‘Allah’.*

(al-Quran. Al-'Ankabut 29:63)

Walaupun masyarakat Arab Jahiliyyah ini mengakui kebesaran Allah dalam mencipta, menurunkan hujan, menundukkan matahari dan bulan dan sebagainya namun mereka tetap juga tidak mengakui bahawa Allah itu satu dan hanya Dia yang berhak disembah.

Mereka tetap juga mempercayai dan mengamalkan kepercayaan kepada banyak tuhan.

## **2. Konsep Allah daripada tradisi Judeo-Kristian**

Orang Yahudi dan Kristian menggunakan kalimah Allah untuk menggambarkan konsep ketauhidan Tuhan mereka dalam Bible. Ini kerana makna asas bagi kalimah itu secara kasarnya sepadan dengan bahasa Yunani 'ho theos' (Izutsu, 2002). Tambahan pula, bahasa dan pertuturan seharian mereka menggunakan Bahasa Arab menjadikan penggunaan Tuhan Bible sebagai Allah adalah perkara biasa. Terdapat juga pada suatu akad sumpah oleh seorang Arab Kristian yang pandai, beliau bersumpah atas nama tuhan Kaabah dan Kristian.

## **3. Pengendalian Arab Pagan- Konsep Tuhan dalam Al-Kitab dibawah Nama Allah**

Menurut Izutsu, beberapa penyair Arab Pagan menggunakan kalimah Allah untuk menggambarkan Tuhan orang Kristian semasa memuji pelanggan Kristian mereka. Amālan sedemikian terbukti dalam beberapa puisi yang didedikasikan untuk raja-raja Kristian. Menurut Izutsu (2002), walaupun konsep ketauhidan adalah janggal pada kefahaman Arab-Pagan, namun mereka tetap menolak untuk menerima penjelasan konsep tauhid seperti yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Ini kerana, mereka hanya tertarik untuk percaya bahawa Allah sebagai Tuhan yang paling berkuasa di antara tuhan-tuhan lain. Di samping itu, menurut Izutsu (2002) lagi, memadai untuk katakan bahawa Pagan Arab hanya merujuk Allah sebagai pencipta dan tempat mereka meminta pertolongan semasa dalam kesusahan.

## **4. Konsep Allah berdasarkan Hanifs.**

Agama Hanif merupakan agama yang dibawa oleh Nabi Ibrahim a.s sebelum kedatangan jahiliyyah. Agama ini mempunyai konsep ketuhanan tersendiri yang seakan dengan konsep tuhan dalam Islam. Antara konsep Allah yang paling ketara dalam agama Hanifs adalah (Izutsu,2002):

- i. Allah maha satu. Dia yang berdiri sendiri tanpa ada sekutu. Dilarang menyembah selainnya seperti menyembah tuhan lain dan berhala.
- ii. Tuhan sekalian alam
- iii. Pencipta setiap sesuatu
- iv. Tuhan kepada hambanya. Semua manusia adalah dibawah takluknya. Dia berdaulat dan Maha Kuasa.

### 3.2.2 Konsep Allah dalam al-Quran

Pada awalnya dalam termonologi Bahasa Arab kalimah Allah berasal daripada kata *wilah* (ولا) yang berarti ketundukan, pengagungan dan ungkapan penghambaan (Ibnu Manzur, 1994). Ada yang berpendapat bahawa Allah berasal daripada kata “Al” dan “Illah” yang ertinya tuhan yang berhak disembah. Oleh itu ia memberi makna bahawa Allah adalah yang paling berhak disembah dikedudukan tertinggi melainkan yang lain.

Menurut Shihab (t.t), kalimah Allah disebut sebanyak 2698 kali di dalam al-Quran manakala menurut Fazrul Rahman (2009) kalimah ini disebut sebanyak 2500. Juga ada yang berpendapat bahawa kalimah tersebut diulang lebih daripada 2679 kali. Selain itu, kalimah “Tuhan” atau dalam al-quran disebut *Illah* (اله) disebutkan sebanyak 111 kali dalam bentuk *mufrad*, 2 kali dalam bentuk *musanna (ilahaini)* dan 34 kali dalam bentuk *jama' (alihak)*.

Tauhid Uluhiyyah yang dipegang oleh umat Islam, di mana mereka mengesakan Allah dalam perkara ibadat dan tidak menyembah tuhan atau makhluk selain-Nya. Pelaksanaan ibadah kepada Allah berpaksikan kepada dua keadaan iaitu cinta dan pengagungan. Dengan kecintaan akan mendatangkan keinginan untuk melaksanakan ibadah dan pengagungan akan mendatangkan perasaan takut, bimbang akan dicampakkan ke kancah kehinaan sekiranya ingkar akan suruhan-Nya. Inilah yang membezakan antara istilah 'Tuhan' dengan Allah dimana Allah merupakan kata khas bagi yang berhak disembah manakala tuhan adalah kata nama umum.

Terdapat banyak diceritakan dalam al-Quran tentang pengakuan umat sebelum dan selepas kedatangan Rasulullah SAW bahawa Allah adalah satu-satunya pencipta. Mereka mengakui bahawa Allah yang mencipta langit dan bumi dan mengatur segala urusan seperti firman Allah:

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَّنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ خَلَقَهُنَّ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ

*Maksudnya: Dan jika kamu tanyakan kepada mereka, "Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?" Pastilah mereka akan menjawab, "Semuanya diciptakan oleh Yang Mahaperkasa, Maha Mengetahui".*

(al-Quran. Az-Zukhruf 43: 9)

Mereka juga mengakui bahawa Allah sebagai pencipta mereka seperti firman Allah:

وَلَيْن سَأَلْتَهُمْ مَّنْ خَلَقَهُمْ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ فَإِنِّي يُؤْفَكُونَ

*Maksudnya: Dan jika engkau bertanya kepada mereka, "Siapakah yang menciptakan mereka, niscaya mereka menjawab, "Allah," jadi bagaimana mereka dapat dipalingkan (dari menyembah Allah),"*

(al-Quran. Az-Zukhruf 43: 87)

Selain itu, al-Quran juga konsisten menegaskan kekuasaan Allah secara mutlak. Allah merupakan tuhan yang satu memiliki segala kekuasaan, kemuliaan dan Yang Maha Pengasih. Kesempurnaan penciptaan dunia ini merupakan salah satu bukti terbesar Keesaan-Nya. Allah berfirman:

وَقَالَ اللَّهُ لَا تَتَّخِذُوا إِلَهَيْنِ اثْنَيْنِ إِنَّمَا هُوَ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَإِيَّايَ فَارْهَبُونَ

*“Janganlah kamu menyembah dua tuhan; hanyalah Dia Tuhan Yang Maha Esa. Maka hendaklah kepada-Ku saja kamu takut.”*

(al-Quran. Al-Nahl 16: 51)

Seterusnya,

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ

*“Seandainya pada keduanya (di langit dan di bumi) ada tuhan-tuhan selain Allah, tentu keduanya telah binasa. Mahasuci Allah yang memiliki ‘Arsy, dari apa yang mereka sifatkan”.*

(al-Quran. Al- Anbiyaa' 21: 22)

Kemudian,

قُلْ لَوْ كَانَ مَعَهُ ۞ إِلَهَةٌ كَمَا يَقُولُونَ إِذَا لَابْتَغَوْا إِلَىٰ ذِي الْعَرْشِ مَسِيرًا

*Katakanlah (Muhammad), “Jika ada tuhan-tuhan di samping-Nya, sebagai-mana yang mereka katakan, niscaya tuhan-tuhan itu mencari jalan kepada Tuhan yang mempunyai ‘Arsy.”*

(al-Quran. Al-Israa' 17: 42)

Al-Quran juga menyebutkan bahawa beza antara Tuhan dan makhluk adalah Tuhan itu tidak terbatas hidupnya, Maha Berkuasa, Maha Mengetahui dan sempurna segala sifat walhal manusia adalah sebaliknya. Kuasa Allah adalah seiring dengan

rahmatnya yang tidak terbatas, oleh itu manusia atau makhluk tidak boleh dianggap atau disamakan seperti Tuhan.

### 3.2.3 Konsep Allah dalam Dunia dan Bahasa Melayu

Kalimah Allah merupakan kata pinjaman daripada Bahasa Arab. Begitu juga menurut Kamus Dewan, kalimah Allah itu asalnya daripada Bahasa Arab dan digunakan spesifiknya dalam agama Islam. Bunyi serta sebutannya dikekalkan seolah ia tidak dapat diterjemah ke ungkapan Bahasa Melayu yang berobjek ketuhanan yang lain seperti tuhan atau dewa (Teuku Iskandar, 1970). Menurut Raja Ali, yang dianggap sebagai ahli perkamusan berwibawa pertama Bahasa Melayu, kalimah Allah merupakan *isim Al-'azam*. Ia menandakan kata nama tuhan bagi orang Islam yang Maha Kuasa dan Maha Agung. Berhubung dengan konsep tuhan dalam Islam, Raja Ali menjelaskan bahawa ia merujuk kepada dua puluh sifat Allah. Sifat-sifat tersebut wajib diketahui oleh semua orang Islam. Antaranya adalah *wujud, qidam, baqa', mukhalafatu li al-hawadits* dan lain-lain lagi.

Bagi menjelaskan penggunaan konsep Allah dalam Bahasa Melayu, manuskrip dan kesusteraan Islam terawal yang ditulis oleh ulama Islam Melayu terkemuka akan dirujuk. Beberapa manuskrip Melayu lama tersebut diketahui merupakan karya terjemahan daripada Bahasa Arab. Tulisan di batu surat Terengganu merupakan teks Bahasa Melayu yang tertua. Ia ditulis dalam tulisan Jawi (Arab) di atas granit pada 702 A.H/1303 CE. Teks itu berbentuk perintah pengisytiharan undang-undang Islam tertentu di Terengganu (Khalif Muammar A.Harris, 2013). Teks itu tertulis:

*Rasul Allah dengan orang sa-nabi. Mereka..(2) Asa pada*

*Dewata Mulia Raya beri hamba meneguhkan agama Islam (3)*

*dengan benar bicara drama. Meraksa bagi sekalian hamba  
Dewata Mulia Raya (4) di benuaku ini*

Tulisan pada batu bersurat tersebut tertulis dalam bahasa sanskrit dan arab. Dewata adalah perkataan dalam bahasa Sanskrit yang sama maksudnya dengan tuhan dalam bahasa melayu. Manakala, Dewata Mulia Raya pula bermaksud tuan di dunia. Perkataan Arab pula adalah Rasul Allah yang bermaksud utusan Allah. Menurut Khalif Muammar A. Harris (2013), sekiranya orang melayu memahami Allah sebagai kata nama kolektif untuk tuhan atau hanya sebagai gelaran maka mereka akan menterjemah kata Rasul Allah sebagai Rasul Dewata Mulia Raya.

Kalimah Allah dalam konteks di Malaysia tidak diterjemahkan kepada bahasa Melayu atau bahasa Malaysia. Mālah ia dikekalkan tanpa terjemahan kerana menurut kefahaman Melayu, Allah itu adalah tuhan. Menurut Al-Attas (1988), *'Aqa'id al-Nasafiyya* adalah manuskrip Islam yang tertua ditulis dalam Bahasa Melayu. Ia pada asalnya ditulis dalam bahasa Arab oleh Najm al-Din 'Umar al-Nasafi dan kemudiannya diterjemah ke Bahasa Melayu di Aceh pada tahun 1590. Kalimah Allah dalam manuskrip tersebut tidak diterjemah kepada subjek ketuhanan yang lain seperti dewa atau tuhan. Buktinya dalam pendahuluan manuskrip terjemahan Bahasa Melayu:

*Ku Mulai kitab ini dengan Nama Allah Yang Mahamurah, Yang  
Mengasihani hambaNya dalam akhirat. Segala puji akan Allah,  
Tuhan segala alam dan pahal akhirat bagi segala yang takut  
akan Allah. Dan rahmat Allah atas pesuruhNya Muhammad dan  
keluarganya sekalian.*

Dan terjemahan nya juga dalam Bahasa Inggeris (Adam aal-Ebrahim, 2018):

*I begin this book in the Name of Allah, most Merciful, Most Compassionate to His servant in the Hereafter. Every praise be to [Allah] Lord of the Worlds and may the reward of the Hereafter be recompensed for those who fear Allah and may Allah's mercy be upon His Messenger and his entire family.*

Begitu juga dalam Kitab Aqidah al-Najin Fi'ilm Usul al-Din (Al-Sanusi, t.t), kalimah Allah telah dikekalkan sebagai kata nama khas dalam penulisannya. Menurut Al-Sanusi (t.t) juga bahawa kalimah tersebut merupakan isim al A'zam, justeru itu ia tidak boleh dirujuk kepada tuhan selain Allah.

*Ketahui olehmu bahawa makna Allah itu nama bagi zat Tuhan kita yang wajib wujud. Khas ia pada lafaznya dan khas pada maknanya. Maka erti khas pada lafaz itu tentulah lafaz Allah itu nama bagi Tuhan kita dan tiada harus dinamakan dengan Dia akan yang lain daripada zat Allah melainkan atas jalan sandaran seperti Abdullah. Dan erti khas pada makna itu iaitu maknanya ma'bud bi haq yang disembah dengan sebenarnya. Maka tertentulah makna yang demikian itu bagi Allah tiada dapat bagi yang lainnya. Dan lafaz Allah itu ism al A'zam di sisi junhur ulama dan telah memilih oleh Nawawi akan bahawa Isim Al- A'zam itu lafaz al-Hayy wa al-Qayyum.*

Berdasarkan kepada rujukan daripada manuskrip- manuskrip Islam lama mengenai akidah dan kesusteraan Islam dalam terjemahan Bahasa Melayu, ini membuktikan

bahawa kalimah Allah merupakan nama khas bagi tuhan orang Islam. Ia juga menunjukkan bahawa makna bagi kalimah Allah ini datang daripada kefahaman tentang konsep tuhan dalam Islam.

Kamus Dewan Edisi Empat mendefinisikan Allah sebagai:

*Allah: Ar (Aral bahasa Arab) Tuhan (Yg Esa); azzawajalla Tuhan Yg Maha Baik dan Maha Mulia; subhanahu wa taala terpujilah Tuhan yg Maha Tinggi* (Dewan Bahasa dan Pustaka).

Kamus Pelajar pula mendefinisikan kalimah Allah seperti berikut:

*Tuhan Yang Maha Esa, Yang bersifat dengan sifat-sifat Yang Maha Sempurna dan Yang mencipta alam ini* (Dewan Bahasa dan Pustaka)

Definisi daripada dua kamus tersebut memperlihatkan bahawa kalimah Allah di Malaysia adalah merujuk terus kepada makna yang terkandung di dalam teks al-Quran tanpa pengubahsuaian pada lafaz (terjemahan) mahupun maksud kalimah tersebut (Mas'od, 2008). Oleh itu kalimah Allah tidak boleh dianggap sebagai terjemahan tuhan dalam bahasa Melayu atau *God* dalam bahasa Inggeris kerana ia merupakan lafaz bahasa Arab yang telah dikekalkan sebagai mematuhi kitab suci umat Islam yang telah membudaya dalam masyarakat Islam.

### **3.2.4 Penggunaan Kalimah Allah dalam Bible Terjemahan Bahasa Melayu**

Bible terjemahan Bahasa Melayu telah menterjemah perkataan *God* daripada Bible Bahasa Inggeris kepada kalimah Allah yang bermaksud tuhan yang paling berkuasa, paling tinggi kedudukannya dan tuhan yang satu di atas segalanya. Terdapat pelbagai cara untuk memahami mengapa mereka menterjemah perkataan *God* kepada Allah dan perkataan *Lord* kepada 'Tuhan'. Penterjemah Bahasa Melayu sering menggunakan

terjemahan seperti di atas ke atas Bible terjemahan Bahasa Melayu. Perkataan ‘Jesus Christ’ dalam Bible telah diterjemah pula sebagai Yesus Kristus ‘Anak Allah’ dan *God* itu sebagai Allah iaitu Tuhan Bapa. Sebagai contoh dalam Bible

*“The beginning of the gospel of Jesus Christ, the Son of God”*

Ia diterjemah sebagai “Inilah berita baik tentang Yesus Kristus, Anak Allah”.

Terjemahan perkataan *God* kepada Allah dalam Bible terjemahan Bahasa Melayu telah mendatangkan kekeliruan bahawa *Jesus* dipanggil sebagai ‘Allah’ manakala *Yesus* adalah anak Allah. Sebagai contoh:

*Thomas said to him, My Lord and my God:*

Thomas berkata kepada Yesus, Ya Tuhanku! Ya Allahku!

(Yohanes 20:31)

*But these are written that you may believe that Jesus is the Messiah, the Son of God, and that by believing you may have life in his name:*

Tetapi semua ini ditulis supaya kamu percaya bahawa Yesus adalah Anak Allah, penyelamat yang diutus oleh Allah dan kerana kamu percaya kepadanya, kamu boleh hidup sejati.

(Matius 3: 16-17)

Lalu kedua-dua mereka menaiki perahu dan angin pun teduh.

Kemudian pengikut Yesus yang di perahu sujud menyembah

Yesus sambil berkata sesungguhnya Engkau Anak Allah (Matius

32-33).

Terdapat juga dalam beberapa ayat yang menyatakan bahwa Allah merupakan Bapa manakala Jesus adalah anaknya. Allah adalah ketua bagi Jesus, Jesus juga merupakan tuhan, bahawa Allah melakukan perjanjian dengan mereka yang meminum darah Jesus dari cawannya. Beginilah kalimah Allah digunakan dalam Bible terjemahan Bahasa Melayu. Konsep yang digunakan adalah konsep trinita dimana kepercayaan kepada Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus. Konsep ini adalah bercanggah dengan kefahaman dan penggunaan kalimah Allah oleh umat Islam. Islam menegaskan bahawa Allah itu satu, tidak beranak dan tidak diperanakkan dan adalah satu dosa besar bagi mereka yang mengingkarinya (Khadijah M Khambali, 2010).

### **3.3 Kesimpulan**

Perbincangan dalam kajian literatur ini membincangkan akan asal usul penggunaan kalimah Allah baik dalam kalangan masyarakat Arab mahupun masyarakat Malaysia. Sehubungan dengan itu, bab ini telah menghuraikan tentang asal kalimah Allah dalam Bahasa Arab dan konsep kalimah tersebut dalam kalangan masyarakat Arab. Kemudian kajian dilanjutkan dengan huraian bagi konsep Allah dalam al-Quran, asal penggunaan kalimah tersebut dalam Alam Melayu dan Bahasa Melayu serta menerangkan penggunaan kalimah Allah dalam Bible terjemahan Bahasa Melayu yang menjadi punca pertelikaan antara masyarakat Islam dan Kristian di mahkamah.

Kalimah Allah berasal daripada kata (الله) dalam Bahasa Arab. Ia telah didefinisikan dengan pelbagai definisi oleh kamus-kamus Bahasa Arab seperti yang terkandung dalam Bab 2 ini. Kalimah ini juga merupakan perkataan yang biasa digunakan oleh penduduk awal Tanah Arab walaupun sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW. Terdapat beberapa konsep khusus yang dipercayai oleh masyarakat

Arab berhubung dengan kalimah Allah iaitulah konsep yang dipegang oleh Pagan-Arab, Judeo-Kristian, Al-Kitab dan Hanifs. Masyarakat Pagan-Arab menggunakan kalimah Allah sebagai tuhan mereka bagi mengekalkan budaya nenek moyang mereka yang memanggil tuhan mereka sebagai Allah iaitu Sang Pencipta, yang menghidupkan segala benda hidup, yang mengetuai sumpah, tempat bagi mereka memohon pertolongan semasa dalam kesusahan dan tuhan Kaabah. Masyarakat Judeo-Kristian pula, oleh kerana mereka menggunakan Bahasa Arab dalam bahasa pertuturan seharian maka mereka memanggil tuhan mereka sebagai Allah. Berdasarkan Al-Kitab pula, kalimah Allah digunakan dalam Al-Kitab adalah untuk menunjukkan ketauhidan Allah sebagai pencipta dan tempat untuk memohon pertolongan ketika dalam kesusahan namun mereka menolak ketauhidan seperti mana ketauhidan Allah dalam Islam. Manakala konsep Allah dalam kalangan masyarakat Hanifs adalah sama dengan konsep Allah dalam agama Islam sekarang.

Al-Quran menyebutkan bahawa Allah merupakan pencipta dan perkara ini telah diakui oleh semua hamba sebelum, kedatangan Islam lagi yang memiliki segala sifat kesempurnaan, yang Maha Berkuasa dan tidak terbatas hidupnya. Manakala dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kalimah Allah adalah merujuk kepada tuhan bagi orang Islam. Menurut sejarawan Melayu lama juga bahawa kalimah Allah ini merupakan kata nama khas. Perkara ini dibuktikan dengan penemuan dalam manuskrip dan kesusteraan Islam terawal yang ditulis oleh ulama Islam Melayu terkemuka. Akhir sekali, terdapat pelbagai cara untuk memahami mengapa penganut Kristian menterjemah perkataan *God* kepada Allah dalam kitab Bible mereka tetapi yang paling terkenal adalah kerana Allah merupakan tuhan bapa iaitu *God* manakala *Lord* pula adalah tuhan anak iaitu Jesus Kristus.